



## **PERTANDINGAN MENULIS ESEI 2007 ANJURAN PERPUSTAKAAN BANDARAYA DBKU**

---

### **TAJUK ESEI**

1. Perpustakaan sebagai komponen penting dalam menjana K-ekonomi.
2. Bangsa Membaca Bangsa Berjaya.

### **OBJEKTIF:**

1. Menjadikan kempen membaca sebagai wadah mencambah idea-idea kreatif melalui pertandingan yang diadakan.
2. Menarik minat dan mencungkil bakat di kalangan pelajar-pelajar dalam bidang penulisan esei.
3. Memperkenal perpustakaan serta menggalakkan minat membaca kepada masyarakat.

### **SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN:**

#### **BENTUK ESEI**

1. Pertandingan Menulis Esei akan dilaksanakan secara individu. Setiap peserta hanya dibenarkan untuk menghantar satu(1) penyertaan sahaja. (Pilih salah satu tajuk sahaja).
2. Esei hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu. Sumber rujukan hendaklah dinyatakan dalam esei yang ditulis.
3. Panjang esei hendaklah 1000 – 1200 patah perkataan dan jumlah perkataan mestilah dicatat dengan tepat pada penghujung esei.
4. Esei hendaklah ditaip di atas kertas A4 dalam jarak langkau sebaris setengah (1.5 spacing) menggunakan huruf Arial bersaiz 12 (Font 12) dan dicetak pada sebelah muka setiap helaian kertas.
5. Setiap esei hendaklah merupakan hasil penulisan asli dan belum pernah disiarkan oleh mana-mana bahan cetakan, Karya ciplak, plagiat atau terjemahan tidak akan diterima.
6. Setiap esei yang dihantar akan menjadi hak milik Perpustakaan Bandaraya. Pihak penganjur berhak untuk mencetak dan menerbitkan esei-esei yang memenangi pertandingan.
7. Peserta dilarang sama sekali menyentuh hal-hal yang sensitif seperti mengenai bangsa, agama mahupun politik.

## PENYERTAAN

1. Penyertaan terbuka kepada Pelajar tingkatan 4-6 yang bermastautin di Sarawak.
2. Penyertaan adalah percuma. Borang Penyertaan akan diedar ke sekolah-sekolah atau boleh didapati dari Perpustakaan Bandaraya atau melayari laman web [www.dbku.gov.my](http://www.dbku.gov.my) / [www.librarynet.com.my](http://www.librarynet.com.my)
3. Segala kos penyertaan pertandingan tidak ditanggung oleh pihak Penganjur.
4. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan atau kerosakan naskhah yang dikirimkan.
5. Nama dan alamat penulis tidak dibenarkan tertera pada naskhah esei yang diserahkan kepada penganjur.
6. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **30 Ogos 2007**.
7. Pengumuman keputusan pemenang serta penyampaian hadiah akan diadakan pada 27 Oktober 2007 (Sabtu) di Perpustakaan Bandaraya.
8. Keputusan panel hakim adalah muktamad.
9. HADIAH :

Tempat Pertama	:	RM500.00 + cenderahati + sijil
Tempat Kedua	:	RM400.00 + cenderahati + sijil
Tempat Ketiga	:	RM300.00 + cenderahati + sijil
Tempat Keempat	:	RM200.00 + cenderahati + sijil
Tempat Kelima	:	RM150.00 + cenderahati + sijil
10. Esei hendaklah dihantar bersama borang penyertaan yang telah disahkan oleh Pengetua/pihak sekolah kepada:-

Jawatankuasa Pertandingan Menulis Esei,  
Perpustakaan Bandaraya DBKU,  
Jalan P. Ramlee,  
93400 KUCHING.

(U/P: En. Tony Manjon, Cik Hasinah Hj. Morsidi atau Pn. Salmah Hj. Salleh)

Tel: 082-244403, 082-248099

Fax: 082-240920

Email: [library@dbku.gov.my](mailto:library@dbku.gov.my)